



KENYATAAN AKHBAR

KEWAJIPAN MEMULIAKAN PARA SAHABAT RASULULLAH SAW

الحمد لله رب العالمين. والصلاة والسلام على رسوله الأمين. وعلى آله وصحبه أجمعين.

Jabatan Mufti Negeri Selangor menzahirkan rasa dukacita dan memandang serius terhadap perkembangan mutakhir ini melibatkan kenyataan pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab yang merendahkan dan memperlekeh kedudukan para sahabat Rasulullah SAW.

Para sahabat RA merupakan generasi awal yang menerima dakwah Nabi SAW dengan beriman kepada Allah SWT dan membenarkan segala yang dibawa oleh Baginda SAW. Dengan iman tersebut Allah SWT telah mengampunkan segala kesalahan dan perbuatan mereka yang dilakukan sebelum Islam.

Telah diriwayatkan bahawa Baginda SAW bersabda kepada 'Amru bin al-'As RA:

أَمَّا عَلِمْتُ أَنَّ الْإِسْلَامَ يَهْدِمُ مَا كَانَ قَبْلَهُ

Maksudnya: Ketahuilah kamu bahawa sesungguhnya Islam meruntuhkan (melenyapkan) apa yang sebelumnya.

(Riwayat Muslim)

Oleh itu, umat Islam adalah dilarang sama sekali merendahkan dan menyebarkan dakwaan jahat yang mencemarkan maruah para sahabat RA. Adalah menjadi kewajipan bagi setiap umat Islam untuk memelihara kemuliaan dan kehormatan para sahabat RA yang merupakan generasi terbaik yang telah ditarbiyah secara langsung oleh Nabi SAW.

Mencintai dan mengasihi para sahabat RA adalah satu kewajiban. Para sahabat RA adalah generasi yang dipilih Allah SWT untuk mendampingi Rasulullah SAW, memahami syariat dan menyampaikan agama Islam kepada seluruh manusia selepas kewafatan Baginda SAW. Sebarang penghinaan atau tindakan yang boleh merendahkan kemuliaan para sahabat RA, lebih-lebih lagi para sahabat seperti Saidina Abu Bakar al-Siddiq RA dan Saidina Umar al-Faruq RA, dikhuatiri boleh merosakkan akidah seseorang.

Justeru, jabatan ini ingin mengajak umat Islam sama ada ahli politik atau masyarakat awam agar tidak menjadikan logik akal dan nafsu sebagai landasan dalam berbicara tentang para sahabat RA. Umat Islam hendaklah:

- a) Menekuni ilmu dan mendalami sirah Rasulullah SAW daripada sumber yang sahih dan muktabar;
- b) Berwaspada dengan fitnah dan jangan mudah terpengaruh dengan dakyah yang cuba meruntuhkan kredibiliti para sahabat kerana meruntuhkan kredibiliti para sahabat bermakna meruntuhkan rantai penyampaian agama Islam itu sendiri; dan
- c) Sentiasa menyemak (*tabayyun*) setiap fakta agama dengan para ulama' dan *asatizah* bertauliah sebelum menyebarkannya.

Jabatan Mufti Negeri Selangor menyeru umat Islam agar kembali bersatu atas neraca ilmu dan akhlak. Marilah kita mendoakan kesejahteraan buat para sahabat Rasulullah SAW dan sentiasa menjaga lisan dan penulisan daripada sebarang perkataan yang boleh membawa kepada kemurkaan Allah SWT.

Sekian wassalam.


Y.A.D. DATO' SETIA DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR
D.P.M.S., S.S.I.S.
Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor